



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1979**

---

**PELUANG MEMOHON JAWATAN DAN PERATURAN  
BAGI PERLANTIKAN BEKAS ANGGOTA TENTERA DAN  
BEKAS ANGGOTA POLIS KE JAWATAN-JAWATAN  
TETAP DALAM BIDANG AWAM**

Peluang adalah dibuka kepada bekas Anggota-anggota Tentera dan bekas Anggota-anggota Polis untuk memasuki perkhidmatan-perkhidmatan dalam bidang awam selepas tamat perkhidmatan mereka dalam Angkatan Tentera dan Pasukan Polis mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeling ini.

**Istilah Ungkapan**

2.1 Bagi maksud Surat Pekeling ini :

(a) Bekas Anggota Tentera adalah bermakna bekas anggota-anggota :

- (i) Angkatan Tentera Malaysia;
- (ii) Askar Wataniah Malaysia;
- (iii) Pasukan Sukarela Tentera Laut Di Raja Malaysia;
- (iv) Pasukan Sukarela Tentera Udara Di Raja Malaysia;
- (v) Pasukan Pertahanan Tempatan;
- (vi) Pasukan-pasukan Commonwealth yang ditubuhkan di negeri ini.

(b) Bekas Anggota Polis adalah bermakna :

- (i) Bekas Anggota Polis Di Raja Malaysia;
- (ii) Polis Tambahan (Extra Police Constable);

- (iii) Polis Khas (Special Constable) yang dikerah untuk Peraturan-peraturan Kuasa-kuasa Perlu (Polis Khas), 1948;
- (iv) Polis Bantuan (Auxiliary Police);
- (v) Home Guard yang dikerah mengikut Peraturan-peraturan Kuasa-kuasa Dharurat (Home Guard), 1951,

dengan syarat perkhidmatan mereka dalam angkatan-angkatan atau pasukan-pasukan Tentera dan Polis seperti tersebut adalah ditamatkan dengan baik.

2.2 Bekas anggota sukarela tidak termasuk dalam istilah “Bekas Anggota Tentera dan Bekas Anggota Polis” kecuali mereka yang telah dikerah untuk berkhidmat pada masa peperangan atau dalam tempoh pengistiharan dharurat dan di bawah Fasal 150 Perlembagaan berkuatkuasa dan yang telah sebenar-benarnya berkhidmat sepenuh masa selama kurang daripada 12 bulan kesemuanya sebelum ditamatkan perkhidmatannya sebagai anggota kerahan dalam angkatan-angkatan atau pasukan-pasukan yang tersebut.

2.3 Keistimewaan yang diberikan oleh Pekeliling ini tidak meliputi bekas anggota-anggota Angkatan Tentera dan bekas anggota Pasukan Polis yang telah bersara dengan pencen mengikut Sekim Pencen bagi perkhidmatan-perkhidmatan mereka.

### **Bukti Perkhidmatan Dengan Sijil Berhenti**

3. Bukti untuk menunjukkan seseorang itu ialah seorang “Bekas Anggota Tentera” atau “Bekas Anggota Polis” ialah dengan menunjukkan Sijil Berhenti daripada angkatan atau pasukan-pasukan Tentera atau pasukan-pasukan Polis yang ia berkhidmat dahulunya. Bekas-bekas anggota pasukan sukarela hendaklah menunjukkan bukti yang ia telah dikerah berkhidmat sepenuh masa seperti menunjukkan Surat Penghargaan atau Surat Kerahan Sepenuh Masa.

### **Syarat Permohonan Jawatan Tetap**

4.1 “Bekas Anggota Tentera” dan “Bekas Anggota Polis” boleh memohon jawatan-jawatan tetap yang diiklankan dengan syarat mereka memiliki kelayakan-kelayakan masuk yang ditetapkan kecuali di mana-mana disyaratkan had umur yang paling tinggi, bekas anggota-anggota Tentera atau bekas anggota-anggota Pasukan Polis itu hendaklah tidak melebihi 45 tahun pada tarikh akhir permohonan-permohonan bagi jawatan-jawatan itu diterima seperti yang dinyatakan dalam iklan bagi jawatan-jawatan itu.

4.2 Bagi jawatan-jawatan tetap yang tidak mensyaratkan had umur paling tinggi dan jawatan-jawatan sementara, bekas anggota-anggota Tentera atau bekas Pasukan Polis boleh memohon jawatan-jawatan itu asalkan memiliki kelayakan-kelayakan masuk yang disyaratkan.

### **Kadar Yang Dikhaskan Bagi Jawatan-jawatan Berjadual**

5.1 “Bekas Anggota Tentera” dan “Bekas Anggota Polis” hendaklah diambil untuk mengisi kekosongan dalam jawatan yang

dijadualkan dalam Lampiran A kepada Pekeliling ini mengikut sekurang-kurangnya peratus yang ditetapkan.

5.2 Jika calun-calun yang terdiri dari Bekas Anggota Tentera dan Bekas Pasukan Polis tidak mencukupi mengikut peratus yang ditetapkan dalam Lampiran kepada Pekeliling ini, Ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah meminta kebenaran Jabatan Perkhidmatan Awam bagi mengisi jawatan-jawatan yang masih kosong dengan calun-calun lain dan memberi sebab-sebab mengapa jawatan-jawatan itu dikehendaki dengan segera. Mengenai jawatan-jawatan kosong yang tidak ditetapkan peratus, pihak-pihak berkuasa melantik hendaklah memberi keutamaan kepada Bekas Anggota-anggota Tentera dan Bekas Pasukan Polis sekiranya mereka mempunyai kelayakan yang sama ataupun diiktiraf setaraf dengan calun-calun awam yang lain.

### **Pengiklanan Kekosongan**

6.1 Berkaitan dengan jawatan-jawatan kosong yang tidak diiklankan dalam akhbar-akhbar, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang hendak mengisi jawatan-jawatan kosong itu hendaklah berhubung dengan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu akan hal itu sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh akhir bagi permohonan-permohonan diterima. Akan jawatan-jawatan kosong yang diiklankan dalam akhbar-akhbar pula, pihak-pihak yang berkuasa melantik hendaklah mengedarkan satu salinan iklan-iklan itu kepada Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Persatuan Bekas Perajurit, Wisma Pahlawan. Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah mengambil tindakan menyampaikan maklumat yang diterimanya itu kepada Bekas Anggota-anggota Tentera dan Bekas-bekas Polis dialamat mereka yang telah didaftar dengan Kementerian-kementerian itu.

6.2 Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengambil tindakan dari masa ke semasa untuk memberitahu bakal-bakal anggota Tentera dan anggota Polis yang akan tamat perkhidmatannya akan peluang bagi pekerjaan yang diberi mengikut Surat Pekeliling ini dan akan menyimpan satu daftar bagi mencatatkan alamat penuh mereka itu apabila berhenti berkhidmat kelak supaya senang maklumat yang tersebut dalam perenggan 6.1 di atas itu disampaikan kepada mereka. Bekas Anggota Tentera dan Bekas Anggota Polis itu hendaklah juga diminta memberitahu akan alamat barunya jika mereka berpindah supaya daftar alamat itu dapat dipinda dengan sewajarnya.

### **Penetapan Gaji**

7. Bekas Anggota Tentera dan Bekas Anggota Polis yang tidak menerima penceن yang dilantik ke jawatan-jawatan tetap dalam Perkhidmatan Awam/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah ditawarkan gaji permulaan bagi jawatan yang berkenaan itu. Suruhanjaya Perkhidmatan boleh menambahkan hadiah kenaikan gaji berdasarkan kepada perenggan 34, Perintah Am Bab A dengan terhad kepada empat kenaikan sahaja.

8. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian-kementerian/Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menyampaikan kandungan Surat Pekeliling ini kepada pengetahuan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam hal-hal perkhidmatan dan perjawatan di bawah bidang kuasanya.

**Pemakaian Kepada Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan**

9. Perbekalan-perbekalan Pekeliling ini adalah juga meliputi jawatan-jawatan dalam Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Separa Kerajaan. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian hendaklah mempastikan bahawa perbekalan-perbekalan tersebut dipatuhi betul-betul oleh Badan-badan yang berada di bawah pengendaliannya.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR,  
*10hb Mac, 1979.*

**LAMPIRAN "A"**

**SENARAI JAWATAN-JAWATAN KOSONG YANG  
DIKEHENDAKI DIISI DENGAN BEKAS ANGGOTA-  
ANGGOTA TENTERA/BEKAS-BEKAS POLIS MENG-  
IKUT SEKURANG-KURANGNYA PERATUS YANG  
DITETAPKAN DI BAWAH INI**

<i>Jawatan</i>	<i>Peratus</i>
1. Penembak Anjing ... ... ... ...	100%
2. Penjaga (Watchman) ... ... ... ...	100%
3. Penguatkuasa Majlis Bandaran ... ... ...	75%
4. Ahli Bomba ... ... ... ...	75%
5. Atendan Arkib ... ... ... ...	75%
6. Atendan Haiwan ... ... ... ...	75%
7. Atendan Kolam Ikan ... ... ...	75%
8. Atendan Rumah Sakit (termasuk Rumah Sakit Otak) ... ... ... ...	75%
9. Buruh ... ... ... ...	75%
10. Buruh Kapal (Stevedore) ... ... ...	75%
11. Derebar Kereta/Lori/Van ... ... ...	75%
12. Jurukawal (Guards) (termasuk Jurukawal Keselamatan) ... ... ... ...	75%
13. Kelasi (Deckhand) ... ... ... ...	75%
14. Penunggu (Caretaker) ... ... ... ...	75%
15. Merinyu Kapal ... ... ... ...	50%
16. Pembaca Meter ... ... ... ...	50%
17. Penyelia Kapal ... ... ... ...	50%
18. Jurugegas ... ... ... ...	50%
19. Jurumudi (Helmsman) ... ... ... ...	50%
20. Jurusemboyan ... ... ... ...	50%
21. Moto Mekanik ... ... ... ...	50%
22. Wader Penjara ... ... ... ...	50%
23. Operator Loji ... ... ... ...	50%
24. Pekerja Injin ... ... ... ...	50%
25. Penjaga Hutan ... ... ... ...	50%
26. Renjer Mergastua ... ... ... ...	50%
27. Tukang Masak ... ... ... ...	50%
28. Amra ... ... ... ...	50%
29. Pengawas Kesihatan Umum ... ... ...	30%
30. Penguji Derebar ... ... ...	30%
31. Operator Wayang Gambar ... ... ...	30%
32. Penyelenggara Setor Rendah ... ... ...	30%
33. Jurulatih Sukan ... ... ... ...	30%
34. Tukang Kasut ... ... ... ...	20%
35. Tukang Besi ... ... ... ...	20%

	<i>Jawatan</i>				<i>Peratus</i>
36.	Tukang Kayu	...	...	...	20%
37.	Pembaik Alat	...	...	...	20%
38.	Tukang Cat	...	...	...	20%
39.	Tukang Kimpal	...	...	...	20%
40.	Juruletrik	...	...	...	20%
41.	Penjilid Buku	...	...	...	20%
42.	Jurufotolito	...	...	...	20%
43.	Pembaca Pruf	...	...	...	20%
44.	Pekerja Logam Kepingan (Sheet Metal Worker)	...	...	...	20%
45.	Juruteknik Rendah	...	...	...	20%